
**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN KELANTAN**

(Nombor Pendaftaran : 3648005)

AHLI-AHLI
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN KELANTAN
(Kemaskini pada 31 Mac 2021)

Pihak Pegawai (Pengurusan):

1. Sr Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob - Pengerusi
Pengarah Ukur dan Pemetaan Kelantan
2. Sr Mustafa bin Yaacob - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan I
3. Sr Ab Rahman bin Mohd Zin - Ahli
Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan II
4. Encik Azmawi bin Ab Rahman - Ahli
Juruukur Jajahan Kelantan Selatan
5. Encik Faizal bin Mat Radzi - Ahli
Juruukur Jajahan Kelantan Timur
6. Encik Amram bin Mamat - Ahli
Juruukur Jajahan Kelantan Barat
7. Puan Nik Hafizon binti Nik Daud -Ahli
Penolong Akauntan, Gred W29
Seksyen Khidmat Pengurusan
8. Encik Mohd Hisham bin Shabudin - Setiausaha Ganti
Penolong Juruukur Gred JA36
(Menanggung kerja Pen. Peg. Tad. Gred N32- Setiausaha)

Pihak Pekerja:

1. Encik Ab Halim bin Ab Razak - Naib Pengerusi
Penolong Juruukur, Gred JA29
Cawangan Pendaftaran
2. Puan Azlina binti Ismail - Setiausaha Bersama
Pembantu Tadbir (P/O) N19
Seksyen Khidmat Pengurusan
3. Puan Fauziah bt Ab. Rahman - Ahli
Penolong Juruukur , Gred JA29
Cawangan Pendaftaran
4. Encik Mohd Jafri bin Yaacob - Ahli
Penolong Juruukur , Gred JA29
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Selatan
5. Encik Rozali bin Muhammad - Ahli
Penolong Juruukur, Gred JA29
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Timur
6. Encik Mohd Zailani bin Zakaria - Ahli
Penolong Juruukur, Gred JA29
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Barat
7. Encik Mohd Ridzuan bin Yunus - Ahli
Pembantu Awam H11
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Barat
8. Encik Noor Hisham bin Abdul Kadir - Ahli
Pembantu Awam H11
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Timur

9. Encik Zulkefli bin Daud - Ahli
Pembantu Operasi, Gred H11
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Selatan

Dikemaskinikan oleh:
Setiausaha dan Setiausaha Bersama MBJ
Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
Tarikh: 31 Mac 2021

**MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN KELANTAN**

(Nombor Pendaftaran : 3648005)

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI KELANTAN
NO. MBJ : 3648005**

1. KEAHLIAN

1.1. Majlis Bersama Jabatan bagi Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Kelantan (selepas ini disebut sebagai '**Majlis**') mengandungi tujuh belas (17) orang ahli secara keseluruhannya termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-setiausaha yang terdiri daripada Pengarah selaku Pengerusi dan lapan (8) orang ahli yang dilantik oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Kelantan (selepas ini disebut sebagai '**Pihak Pegawai**') dan sembilan (9) orang ahli yang dipilih oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di JUPEM Kelantan (selepas ini disebut sebagai '**Pihak Pekerja**').

2. PIHAK PEGAWAI

2.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan seperti berikut:

i)	Pengarah Ukur	- Pengerusi
ii)	Timbalan Pengarah Ukur I	- Ahli
iii)	Timbalan Pengarah Ukur II	- Ahli
iv)	Juruukur Jajahan Kelantan Selatan (Machang)	- Ahli
v)	Juruukur Jajahan Kelantan Timur (Machang)	- Ahli
vi)	Juruukur Jajahan Kelantan Barat (Pasir Mas)	- Ahli
vii)	Penolong Akauntan	- Ahli
viii)	Penolong Pegawai Tadbir	- Setiausaha

2.2 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing dan tiada had tempoh memegang jawatan di dalam Majlis.

3. PIHAK PEKERJA

3.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di JUPEM Kelantan, **Gred 48 dan ke bawah, tidak terlibat dalam membuat keputusan , bukan merupakan Ketua Bahagian/Unit** dan dipilih oleh pekerja-pekerja itu sendiri. Peraturan bagi pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja dalam JUPEM Kelantan dan diluluskan oleh Pengarah Ukur. Ahli-ahli Pihak Pekerja adalah seperti berikut:

- i) Encik Ab Halim bin Ab Razak - Naib Pengerusi
Penolong Juruukur, Gred JA29
Cawangan Pendaftaran
- ii) Puan Azlina binti Ismail - Setiausaha Bersama
Pembantu Tadbir (P/O), Gred N22(TBK)
Seksyen Khidmat Pengurusan
- iii) Puan Fauziah bt Ab. Rahman
Penolong Juruukur Gred, JA29
Cawangan Pendaftaran
- iv) Encik Mohd Jafri bin Yaacob
Penolong Juruuukur, Gred JA29
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Selatan
- v) Encik Rozali bin Muhammad
Penolong Juruuukur, Gred JA29
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Timur
- vi) Encik Mohd Zailani bin Zakaria
Penolong Juruuukur, Gred JA29
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Barat
- vii) Encik Mohd Ridzuan bin Yunus
Pembantu Awam, Gred H11
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Barat

- viii) Encik Noor Hisham bin Abdul Kadir
Pembantu Awam, Gred H11
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Timur
- ix) Encik Zulkefli bin Daud
Pembantu Awam, Gred H11
Pejabat Ukur Jajahan Kelantan Selatan

- 3.2 Pemilihan Pengerusi dan Setiausaha Pihak Pekerja adalah dibuat dari kalangan ahli-ahli Pihak Pekerja yang dipilih dan pemilihan itu hendaklah dibuat oleh Pihak Pekerja sendiri tanpa campur tangan dari Pihak Pengurusan. Pengerusi Pihak Pekerja akan menjadi Naib Pengerusi kepada MBJ manakala Setiausaha Pihak Pekerja akan menjadi Setiausaha Bersama.
- 3.3 Kekosongan yang berlaku dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada Bahagian/Pejabat/Skim Perkhidmatan/Gred/Kumpulan termasuk kesatuan/pesatuan yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu, atau pekerja-pekerja itu sendiri.
- 3.4 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/ dipilih.

4. PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

- 4.1. Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada ahli yang dipilih dan menjadi Pengerusi ahli Pihak Pekerja. Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja menjadi Setiausaha Bersama bagi Majlis.

5. TUJUAN

5.1. Tujuan Majlis adalah:

- a. untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara JUPEM Kelantan dengan pegawai-pegawai yang bergaji di JUPEM, di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan; dan
- b. untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul pelbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan.

6. BIDANG DAN FUNGSI

6.1. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis seperti berikut:

- a. membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada kaitan dengan pentadbiran yang berkenaan **kecuali** perkara-perkara yang melibatkan dasar Kerajaan dan hal-hal perseorangan;
- b. membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;

- c. menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran pelbagai jabatan; dan
- d. mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

7. MESYUARAT-MESYUARAT

- 7.1. Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan **tiga (3) kali setahun, iaitu sekali dalam tempoh empat (4) bulan.**
- 7.2. Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang daripada **50%** iaitu **empat (4)** orang ahli Pihak Pegawai dan **50%** iaitu **lima (5)** orang ahli Pihak Pekerja.
- 7.3. Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada **tujuh (7) hari** sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda, hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi Majlis.
- 7.4. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah **terhad** kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis panggilan mesyuarat berkenaan.

- 7.5 Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, maka **ahli Pihak Pegawai terkanan** boleh mempengerusikan mesyuarat Majlis dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa keadaan sekalipun, Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja **tidak boleh mempengerusikan** mana-mana mesyuarat Majlis.
- 7.6 Minit Mesyuarat MBJ hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja.

8. KEPUTUSAN

- 8.1. Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara **persetujuan bersama** di antara Pihak Pegawai dengan Pihak Pekerja.
- 8.2. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan, bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun jabatan-jabatan yang berkenaan.

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

- 9.1. Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana mesyuarat Majlis dengan persetujuan **tidak kurang daripada 50% ahli Pihak Pegawai** dan **50% ahli Pihak Pekerja**. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya **sebulan** sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.